

**PROGRAM HI-TEA BERSAMA ALUMNI UTeM DI SABAH
26 FEBRUARI 2023 (AHAD)**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Yang Berusaha Dr Hazli Rafis,
Pengarah,
Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan (PPAKG)

Yang diraikan alumni UTeM yang kini berada di Sabah

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani,
Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam **Program Hi-Tea Alumni UTeM (Chapter Sabah)** pada hari ini.

Tujuan

- Mengumpul alumni-alumni UTeM yang berada di Sabah
- Memperkasakan peranan holistik yang dapat diberikan oleh alumni kepada universiti dalam pelbagai aspek seperti
 - Kemasyarakatan
 - merangsang pengumpulan dana amanah
 - menyokong reputasi universiti
 - perkongsian ilmu dan kepakaran

Jumlah Alumni

- Sejak konvokesyen pertama hingga ke-22, UTeM telah mempunyai alumni seramai 38,855 orang yang telah berkerja di sektor kerajaan, swasta, usahawan dan lain-lain sama ada di dalam negara atau luar negara.
- Alumni Sabah - 1,123 orang.

PPAKG

- Di UTeM, alumni diuruskan oleh Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) iaitu satu pusat di bawah Pejabat Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).
- Pengarah PPAKG - Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim yang juga alumni UTeM, FKEKK, 1st batch. Alumni boleh terus hubungi pihak PPAKG untuk menjalankan kerjasama dengan universiti atau penganjuran program-program yang menyokong aspirasi universiti.
- Universiti sangat-sangat mengalu-alukan alumni kembali mendekati universiti walaupun telah selesai pengajian. Terus la setia bersama UTeM.

Peranan Alumni

- Menjadi *role model* atau duta universiti
- Sumbangan tenaga dan buah fikiran Alumni
- Yang terkini, warga UTeM berasa sangat bangga apabila Alumni UTeM yang juga berasal dari Negeri Di bawah Bayu, Sabah iaitu Datuk Ewon Benedick, Alumni FTMK, kovokesyen 2006 telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi.
- Hari Alumni UTeM diadakan pada setiap 1 Disember pada setiap tahun.
- Pihak universiti dalam proses mendekati semua alumni dengan universiti bagi menyokong Teras Strategik ke-3 iaitu “Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan” yang didokong oleh Pej. TNCHEPA.

Sumbangan Alumni

- Kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pihak Universiti menerusi tabung endowmen, sumbangan dan wakaf bagi menyokong kelestarian proses perkembangan ilmu di Universiti.
- 60% populasi siswa/siswi UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, sumbangan ikhlas dari semua pihak amatlah diharapkan, bagi mengurangkan bebanan siswa/siswi ini.
- Turun padang dalam menjayakan aktiviti di UTeM terutama yang melibatkan perkongsian pengalaman di antara pelajar UTeM dan Alumni.

Penutup

- Bagi pihak Universiti, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini. InsyaAllah, usaha kita bersama ini dapat menyumbang kearah kejayaan UTeM yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.
- UTeM di dalam proses untuk mewujudkan rumah Alumni
- Hubungan di antara universiti dan alumni akan dipereratkan lagi melalui program-program seperti ini. Dengan adanya Jawatankuasa Alumni UTeM (Chapter Sabah) akan merencanakan lagi penglibatan alumni dari Sabah dengan UTeM selepas ini.

Sekian terima kasih